

684:
MAHATHIR

1976

KUALA LUMPUR, 3 MEI (BERNAMA) -- PARA PELAJAR DAN IBU BAPA HARI INI DINASIHATKAN SUPAYA JANGAN MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM SEKIM BEKALAN DAN TABUNG PELAJARAN ANJURAN SYARIKAT DAYAUSAHA PENA PENGELUARAN INDASTERI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA, BELIAU TIDAK MENYOKONG SEKIM ITU KERANA BELIAU +SANGSI AKAN TUJUAN-TUJUANNYA+.

DALAM SATU KENYATAAN BELIAU MENJELASKAN BAHAWA SEMUA GURUBESAR TELAH DIARAHKAN SUPAYA MENINGATKAN MURID-MURID DAN IBU BAPA SUPAYA JANGAN MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM SEKIM TERSEBUT.

MENURUT BELIAU, SYARIKAT TERSEBUT TELAH MEMINTA SOKONGAN BELIAU BAGI SEKIM TERSEBUT YANG ANTARA LAIN MENJANJIKAN BERBAGAI BANTUAN DAN BEKALAN BAGI MURID-MURID YANG MENCARUM DI BAWAH SEKIM ITU.

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA PIHAK POLIS TELAH MENANGKAP PENERUSI SYARIKAT ITU, MOHD. NORZAIN HUSSEIN PADA 17 APRIL LALU DAN SEDANG MENJALANKAN PENYIASATAN LANJUT MENGENAI SYARIKAT TERSEBUT BERDASARKAN ADUAN-ADUAN YANG DITERIMA DARIPADA ORANG RAMAI. -- BERSAMBUNG
2256/LK

685:
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

NORZAIN YANG JUGA DIKENALI DENGAN NAMA MOHD. ZAIN BIN HUSSEIN DAN H.M. ZAINI JUGA PENGURUS MAKTAB PENGURUSAN PERANTIS TELAH DITUDUH DI MAHKAMAH TENGAH SEREMBAN MENGURUSKAN SEBUAH INSTITUSI DENGAN TIDAK MENGIKUT PERUNTUKAN AKTA PELAJARAN, KESNYA AKAN DIBICARAKAN PADA 18HB JUN, 1976.

SEMASA MENJALANKAN PENYIASATAN, PEGAWAI-PEGAWAI KEMENTERIAN PELAJARAN MENDAPATI BAHAWA PEJABAT MAKTAB ITU HANYA MEMPUNYAI DUA MEJA DI BAHAGIAN BELAKANG SEBUAH PEJABAT SWASTA DI SEREMBAN, KATA BELIAU.

MENURUT IKLAN-IKLANNYA DALAM AKHBAR, MAKTAB ITU MENAWARKAN 33 KURSUS PERINDUSTRIAN LANJUTAN TERBUKA KEPADA PELAJAR-PELAJAR LULUSAN SRP ATAU YANG MENUNGGU KEPUTUSAN-SPM.

DR. MAHATHIR MENASIHATKAN ORANG RAMAI BERWASPADA SEBELUM MEMBAYAR WANG KEPADA SYARIKAT ATAU MAKTAB TERSEBUT.

MEREKA YANG TELAH MEMBAYAR WANG TETAPI TIDAK MENERIMA SESUATU YANG DIJANJIKAN OLEH SYARIKAT ATAU MAKTAB ITU HENDAKLAH MELAPURKANNYA KEPADA BALAI POLIS YANG TERDEKAT. -- BERNAMA
2300/LK